



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "TAKUTLAH AZAB NERAKA"

2 Ogos 2024 / 27 Muharram 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

### "TAKUTLAH AZAB NERAKA"

Neraka ialah tempat menjalani hukuman yang disediakan kepada manusia dan jin yang mengingkari suruhan dan larangan Allah SWT. Neraka digambarkan dengan seksaan yang sangat berat, berbentuk api yang menyala-nyala dengan kepanasan yang tidak terhingga, disertai minuman dan makanan yang menyeksai. Gambaran neraka yang sangat menggerunkan bertujuan supaya manusia merasa takut dengan seksaan Allah, lalu insaf tidak melakukan syirik, segera bertaubat dan senantiasa melakukan amal soleh, kembali menyembah Allah yang Esa, menghayati kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Wahai orang yang beriman, takutlah Allah dan azab neraka kerana seksaannya sangat dahsyat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ghasyiah* ayat 4 hingga 7;

﴿تَصَلَّىٰ نَارًا حَامِيَةً ۖ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ آٰنِيَةٍ ۖ لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيْعٍ ۖ لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنَ الْجُوعِ ۖ﴾

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: "Mereka tetap masuk ke dalam api neraka yang sangat panas (membakar). Mereka diberi minum daripada sumber mata air yang mendidih. Tiada makanan untuk mereka di situ selain pohon yang berduri. (Yang) tidak menggemukkan dan yang tidak dapat menghilangkan kelaparan sedikit pun".

Takutlah neraka Allah kerana seksaan neraka berterusan dan tiada kematian akibat seksaan. Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh *Abu Sa'id RA*, sabda baginda:

أَمَّا أَهْلُ النَّارِ الَّذِينَ هُمْ أَهْلُهَا فَإِنَّهُمْ لَا يَمُوتُونَ فِيهَا وَلَا يَحْيُونَ

Bermaksud: Adapun ahli neraka yang sememangnya mereka penghuninya, sesungguhnya mereka tidak akan mati di dalamnya dan tidak juga hidup (beristirahat daripada seksa neraka). (Hadis Riwayat Muslim)

Takutlah azab neraka kerana Malaikat yang menjaganya bersifat sangat bengis, keras dan tiada belas ihsan. Allah SWT berfirman dalam Surah *al-'Alaq*, ayat 16 hingga 17;

Bermaksud, "Kemudian biarlah dia memanggil golongannya (untuk menyelamatkannya). Kelak Kami akan memanggil malaikat *Zabaniyah* (untuk menyeksanya)!"

Takutlah azab api neraka kerana neraka digambarkan sangat luas dan sangat dalam. *Sayidina Abu Hurairah RA* berkata, "Ketika kami bersama Nabi SAW, tiba-tiba terdengar bunyi seakan-akan ada sesuatu yang terjatuh, lalu Nabi SAW bertanya kepada kami, 'Tahukah kalian bunyi apakah itu?' Kami menjawab, 'Allah dan Rasul Nya lebih mengetahui'; Baginda bersabda "Itu ialah batu yang dilemparkan ke dalam neraka sejak 70 tahun dahulu dan sekarang baru sampai ke dasarnya." (Hadis Riwayat Muslim)

### Jemaah Rahimakumullah

Siapakah golongan yang diancam neraka Allah?

**Pertama:** Golongan kafir, munafik dan musyrik. Seksaan yang bakal menimpa golongan ini amat dahsyat dan mereka kekal di dalamnya.

﴿وَعَدَّ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارِنَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا هِيَ حَسْبُهُمْ وَلَعْنَةُ اللَّهِ  
وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ﴾



Bermaksud: "Dan Allah menjanjikan kepada orang munafik lelaki dan perempuan serta orang kafir dengan neraka jahanam. Mereka kekal di dalamnya. Cukuplah neraka itu menjadi balasan bagi mereka dan Allah melaknati mereka dan bagi mereka azab yang kekal".  
(Surah *al-Taubah* ayat 68)

**Kedua:** Muslim yang mengingkari perintah dan berbuat dosa sehingga mereka mendapat pengampunan. Antaranya golongan yang meninggalkan solat. Firman Allah SWT, surah *al-Muddassir* ayat 42 hingga 43:

﴿ مَا سَأَلُكَ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَوْلَا آتَاكَ مِنَ الْمُضِلِّينَ ﴿٤٣﴾ ﴾

Bermaksud: "(Setelah melihat orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar? Mereka menjawab, "Kami tidak termasuk orang yang mendirikan solat".

**Ketiga:** Golongan yang melakukan kezaliman, golongan sesat yang menyimpang daripada ajaran Rasulullah SAW, mendustakan Nabi SAW, membunuh tanpa sebab yang dibenarkan, derhaka kepada ibu bapa, bakhil, sombong, riyak, makan harta riba', mengambil harta orang lain dengan batil, wanita yang tidak menutup aurat dengan sempurna, menyeksa binatang, bunuh diri, minum arak, berzina dan pelbagai dosa lain yang tidak dapat khatib senaraikan setiap satunya.

### **Jemaah yang dilimpahi perlindungan Ilahi,**

Agar kita dijauhkan daripada seksaan neraka, mimbar menitip pesanan berikut:

**Pertama:** Berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah, jauhi ajaran sesat dan ajaran yang meragukan, serta tinggalkan apa-apa amalan yang boleh merosakkan akidah dan berunsur syirik.

**Kedua:** Istiqamah melakukan amal soleh, banyakkkan beristighfar dan bertaubat dengan taubat *nasuha*, iaitu memohon ampun dan terus meninggalkan perbuatan dosa berkaitan sehingga menemui ajal.

**Ketiga:** Meninggalkan maksiat dan menjauhi dosa kecil dan dosa besar yang membinasakan diri di dunia dan akhirat. Tidak boleh mengambil ringan dosa kecil dengan berterusan melakukannya tanpa rasa bersalah. Menurut *Ibnu Qudamah*,



dosa kecil akan berubah menjadi dosa besar apabila dilakukan secara berterusan berpandukan hadis Rasulullah SAW;

Bermaksud "Tidak ada dosa kecil apabila terus dikerjakan dan tidak ada dosa besar selagi dimohon keampunan."  
(Hadis Riwayat *Ad-Dailami*)

**Keempat:** Tidak mengambil hak orang lain secara batil. Bersegera bertaubat dan memohon maaf kepada pihak yang telah kita ambil harta darinya secara batil. Rasulullah SAW bersabda; Bermaksud, "Barang siapa yang mengambil hak orang lain walau hanya sejengkal tanah, maka akan dikalungkan ke lehernya (pada hari kiamat nanti) seberat tujuh lapis bumi."  
(Hadis Riwayat *Bukhari dan Muslim*)

**Kelima:** Perbanyakkan berdoa agar dijauhi dari azab api neraka seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis:

إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Bermaksud: "Apabila kamu membaca tahiyat akhir (dalam solat), pohonlah perlindungan Allah SWT daripada empat perkara, iaitu "Ya Allah aku mohon perlindungan daripada azab neraka jahanam, dan daripada azab kubur, dan daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada kejahatan fitnah *al-Masih Dajjal*".  
(Hadis Riwayat Muslim)

Semoga kita dijauhi azab seksaan api neraka, diampuni dosa dan dirahmati Ilahi lalu ditempatkan dalam syurga Nya yang penuh kenikmatan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Hayyu! Ya Qayyum!** Lindungi kami daripada pengaruh Iblis dan bisikan syaitan agar kami tidak terpedaya hingga melakukan dosa yang boleh menjerumuskan kami ke neraka jahanam. Teguhkan iman kami untuk beribadah dan kukuhkan pendirian kami untuk melakukan yang makruf dan menjauhi yang mungkar.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin

Ampuni dosa ibu bapa kami, guru-guru kami dan dosa-dosa kami dan ahli keluarga kami; tempatkan roh ibu bapa kami, guru-guru kami serta roh-roh kami dan ahli keluarga kami dalam syurga Mu.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Nur al Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.